

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

29. Feri Pulau Pinang adalah merupakan ikon pelancongan negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk memohon kepada pihak Prasarana atau Rapid agar menambah bilangan feri bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

29. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambahbaik dan menaiktaraf perkhidmatan feri agar kecekapan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang dapat ditingkatkan.
- (a) Prasarana baru sahaja mengambil alih operasi perkhidmatan feri daripada pihak Pelabuhan Pulau Pinang pada 1 Mei 2018 yang lalu. Sebagai perancangan jangka masa pendek, pihak Prasarana sedang berusaha meningkatkan perkhidmatan menggunakan feri sedia ada. Bagi perancangan jangka panjang, pihak Prasarana akan menambah sebanyak empat (4) buah feri bagi menambah kecekapan perkhidmatan menjelang tahun 2022.